



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	7/1/2020
JABATAN	:	JPSM
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Pertikai jawapan PKNP

SAM gesa Menteri Besar segera atasi isu penerokaan hutan Kledang Saiong

Oleh SAIFULLAH AHMAD

CHEMOR

Sahabat Alam Malaysia (SAM) menyambut baik bantahan yang dibuat penduduk Taman Chepor Sentosa berhubung penerokaan sebahagian hutan Kledang Saiong yang sudah dinyahwarta.

Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, pihaknya bersama-sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar lain menyokong penuh usaha dilakukan penduduk untuk mempertahankan kawasan ini dari pada diancam kemusnahan.

Menurutnya, penduduk taman perumahan telah mengadakan dua perbincangan dengan NGO alam sekitar yang membawa kepada penubuhan jawa-tanuasa bertindak menangani isu tersebut.

"Isu ini telah diketengahkan pada awal Disember lalu oleh SAM namun tidak mendapat maklum balas yang memuaskan hati daripada pihak berkuasa negeri. Kawasan ini asalnya Hutan Simpan Kekal Kledang Saiong tetapi telah dimansuhkan pada tahun 2010 dan diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) untuk membangunkan kawasan pertanian."

"Apa yang mendukacitakan cadangan pembangunan tersebut bercanggah dengan pengisy-



Meor Razak menunjukkan kawasan Hutan Simpan Kledang Saiong yang sudah dinyahwarta untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian semalam.

tihan Lembah Kinta sebagai kawasan Geopark Kebangsaan yang menetapkan mana-mana kawasan hutan yang belum diroka perlu dipelihara," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Meor Razak berkata, pihaknya turut mempertikaikan jawapan PKNP menerusi kenyataan media mendakwa kerja-kerja pembersihan hutan tersebut mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Awal Kepada Alam Sekeliling (EIA) pada 2009.

Katanya, perkara itu bercanggah dengan syarat Jabatan Alam Sekitar bahawa kelulusan EIA hanya sah untuk tempoh dua tahun sahaja.

"PKNP seharusnya mendapatkan kelulusan EIA baharu bagi projek yang sedang diusahakan di hutan Kledang Saiong," katanya.

Meor Razak turut menggesa Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu mengambil langkah segera untuk mengatasi isu tersebut.

Henti teroka hutan Kledang Saiong

Penduduk Taman Chepor Sentosa bimbang kesan penenakan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

CHEMOR

Penduduk Taman Chepor Sentosa di sini menggalakkan tindakan menghalang kerja-kerja pembukaan hutan Kledang Saiong kerana ia boleh berhadang kepada kepentingan bersama.

Pengerusi Kawasan Rakan Tempatan Taman Chepor Sentosa, Shamsuri Kamal Ali, berkata, mereka mengalami kesan buruk kerana bimbang kerja yang akan dilakukan pada hutan tersebut mungkin akan merosakkan tanah dan air yang merupakan sumber hidup mereka.

"Kawasan hutan ini merupakan sumber hidup bagi kita. Jika ia hilang, kita tidak akan mampu bertahan lagi," katanya.

Shamsuri Kamal Ali berkata, mereka juga mengalami kesan buruk kerana pembukaan hutan Kledang Saiong akan memberi impak negatif kepada kawasan yang didiami lebih kurang 100 famili.

Dalam pernyataan,

"Alasan kerajaan bahawa projek tersebut diluluskan kerajaan terdahulu tidak boleh dijadikan lesen membenarkan penerokaan hutan tersebut kerana Menteri Besar mempunyai kuasa mewartakan semula kawasan itu," katanya.

Sementara itu, Pejabat Menteri Besar Perak dalam maklum balas ringkas berhubung isu tersebut berkata, pihaknya akan melihat perkara tersebut.

Bagaimanapun, pihaknya menunggu kenyataan daripada PKNP mengenai isu yang dibangkitkan penduduk itu.